

BAB I

HADĪTH / SUNNAH DAN KEPENTINGANNYA DI DALAM SYARIAT ISLAM

## HADĪTH / SUNNAH DAN KEPENTINGANNYA DI DALAM SYARIAT ISLAM

---

Hadīth adalah sumber kedua di dalam perundangan Islam selepas al-Qur'ān. Pengutusan Rasulullah (s. 'a.w.) oleh Allah (s.w.t.) adalah untuk memimpin umat manusia berdasarkan peraturan-peraturan yang telah digariskan oleh-Nya dan ijtihad Rasulullah (s. 'a.w.) sendiri. Dalam bab ini penulis membincangkan peranan hadīth di dalam syariat Islam dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya. Oleh itu penulis akan mendefinisikan lafaz hadīth dan sunnah, memetik pendapat ulama, perkembangannya serta pembahagiannya.

### 1.1 Pengertian Hadīth.

Hadīth mempunyai beberapa pengertian jika ditinjau dari sudut bahasa dan istilah. Menurut bahasa, hadīth ialah yang baharu (jadid), dekat (qarib) atau berita (khabar).<sup>1</sup> Sementara menurut istilah, ia bermaksud sesuatu yang disandarkan kepada Rasulullah (s. 'a.w.) sana ada

---

<sup>1</sup> Dr. Muhammad 'Ajaj al-Khatīb, Usul al-Hadīth, cet. iv, (Lubnan-Beirut: Dar al-Fikr, 1401 H./1981 M.), m.s. 26.  
cf. Prof. T.M. Hasbi, Sejarah Dan Pengantar Ilmu Hadīth, cet. vi, (Jakarta: Bulan Bintang, 1980), m.s. 20.

perkataan, perbuatan, iqrar atau sifat yang berlaku sebelum diangkat sebagai rasul seperti beribadat di Gua Hira' atau setelah dibangkitkan menjadi rasul. Menurut Imam Taqiyuddin Ibn Taimiyah: "Apabila digunakan atau disebut lafaz hadīth ia bermaksud sesuatu yang diperkatakan mengenai Rasulullah setelah baginda dibangkitkan menjadi rasul."<sup>2</sup>

Sebelum penulis menghuraikan dengan lebih detail, penulis akan mengemukakan terlebih dahulu definisi sunnah untuk menjelaskan sama ada hadīth dan sunnah mempunyai persamaan atau berbeza pengertiannya.

## 1.2 Pengertian Sunnah .

Menurut bahasa, sunnah ialah perjalanan (sīrah) sama ada baik dan buruk.<sup>3</sup> Rasulullah (s. 'a. w. s.) pernah menggunakan perkataan sunnah yang bermaksud jalan sama ada terpuji atau tercela. Contohnya, baginda bersabda yang bermaksud:

"Sesiapa yang mengada-adakan suatu sunnah (jalan) yang baik untuk Islam, lalu diikuti oleh oranglain maka dicatat untuknya pahala dan pahala yang sama dengan orang yang mengikutinya, tidak dikurangkan sedikitpun pahalanya. Sesiapa yang mengada-adakan sesuatu sunnah yang tercela lalu diikuti oleh oranglain maka dicatat untuknya dosa dan juga orang yang mengikutinya

---

<sup>2</sup> Huda Muhsin, Pengenalan Kitab-kitab Hadīth Sunan Sittah, cet. i, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1985), m.s. 1.

<sup>3</sup> Dr. Muhammad 'Ajjaj al-Khatīb, op. cit., m.s. 17.

dengan tidak dikurangkan sedikitpun dosanya."<sup>4</sup>

Al-Sunnah menurut istilah ialah sesuatu yang bertentangan dengan bid'ah, iaitu al-Qur'an dan al-Hadīth. Perkataan sunnah juga dikaitkan dengan perkara-perkara yang dihubungkan dengan Rasulullah (s. 'a. w. e.) sama ada berbentuk suruhan serta keizinannya atau larangannya.<sup>5</sup>

Melalui definisi yang telah dikemukakan di atas, penulis dapati pengertian hadīth dan sunnah adalah berbeza. Hadīth ialah suatu peristiwa yang disandarkan kepada Rasulullah meskipun sekali sahaja berlaku sepanjang hidup baginda dan juga walaupun diriwayatkan oleh seorang sahaja. Sementara Sunnah pula ialah perbuatan yang dilakukan oleh Rasulullah yang berterusan dan diamalkan oleh para sahabat serta tābi' tābi'in secara mutawatir. Dalam konteks sunnah perlaksanaannya berterusan walaupun terdapat lafaz meriwayatkan hadīth berbeza.

Walaubagaimanapun perbezaan tersebut tidak menjejaskan maksud sebenar Hadīth dan Sunnah. Ini adalah kerana kedua-duanya disandarkan kepada Rasulullah (s. 'a. w. e.) sama ada perkataan, perbuatan, iqrar dan sebagainya.

---

<sup>4</sup> Muhammad bin Ismail, Metode Penyampaian Dan Penerimaan Hadīth Di zaman Rasulullah (s. 'a. w. e.) Dan Sahabat, cet. i, (Kuala Lumpur: Angkatan Belia Islam Malaysia, 1987), m.s. 2.

<sup>5</sup> Huda Muhsin, op. cit., m.s. 2

### 1.3 Pendapat Ulama Berhubung Dengan Hadīth Dan Sunnah.

Para ulama berselisih pendapat berhubung dengan hadīth dan sunnah dari sudut pengertiannya berdasarkan pengkajian masing-masing. Mereka mendefinisikan Hadīth dan Sunnah berlainan maksud mengikut bidang ilmu mereka.

#### a) Ulama Hadīth.

Bagi Ulama Hadīth mereka membincangkan Rasulullah (s. 'a. w.) sebagai seorang imam yang mendapat hidayah daripada Allah yang disifatkan olehNya sebagai ikutan yang baik. Bagi mereka hadīth dan sunnah ialah sesuatu yang dinukilkan dari Nabi Muhammad (s. 'a. w.) baik sama ada perkataan, perbuatan mahupun berupa taqrir, pengajaran, sifat, kelakuan dan perjalanan hidup sebelum baginda dibangkitkan menjadi rasul ataupun sesudahnya.<sup>6</sup> Melalui tafsiran yang dibuat oleh Ulama Hadīth ini, hadīth dan sunnah adalah sama pengertiannya.

Terdapat juga di kalangan Ulama Hadīth yang meluaskan takrif hadīth dengan menyatakan ia tidak hanya disandarkan kepada Rasulullah sahaja tetapi juga disandarkan kepada para sahabat. Bagi mereka setiap

---

<sup>6</sup> Mohd. Napiah bin Abdullah, Peranan Dan Metodologi Hadīth, cet. i, (Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam, 1986), m.s. 17.

perkataan, perbuatan dan taqrir yang disandarkan kepada sahabat-sahabat Nabi Muhammad (s. 'a. w. s.) juga disebut al-Hadīth. Sebagaimana Ibn Hajar mengatakan bahawa perkataan hadīth di kalangan ahli Hadīth meliputi berita-berita yang marfu<sup>6</sup>, iaitu yang disandarkan kepada Nabi Muhammad (s. 'a. w. s.) dan mauquf iaitu yang disandarkan kepada para sahabat, maqthu<sup>6</sup> iaitu yang disandarkan kepada tabi'i.<sup>7</sup>

Sebenarnya setiap tindakan yang dilakukan oleh Rasulullah adalah merupakan contoh dan ikutan umat Islam seluruhnya. Apa yang dimaksudkan dengan perkataan Rasulullah ialah perkataan yang pernah baginda ucapkan dalam berbagai-bagai bidang, termasuklah bidang hukum (syariat), akhlak, akidah, pendidikan dan sebagainya. Perbuatan baginda pula ialah penjelasan secara praktik di dalam kehidupannya seperti sembahyang, pakaian, makan, minum, perkahwinan dan amalan-amalan yang lainnya. Begitu juga dengan urusan-urusan keduniaan seperti perdagangan, pertanian, peperangan dan sebagainya.

Taqrir pula ialah keadaan Rasulullah (s. 'a. w. s.) yang mendiamkan diri tidak menegah atau menyetujui apa yang dilakukan oleh para sahabat di hadapan baginda. Contohnya, ketika salah seorang sahabat yang bernama Khalid Ibn al-Walid memakan daging biawak di hadapan baginda. Per-

---

<sup>7</sup> Huda Muhsin, op. cit., m.s. 2.

buatan Khalid tersebut tidak ditegah oleh Rasulullah. Baginda hanya memerhatikan sahaja, berdiam diri dan tidak berkata sesuatu mengenainya. )

Sementara sifat-sifat dan keadaan baginda pula yang dikira termasuk unsur al-Hadīth ialah sifat-sifat dan bentuk jasmaninya seperti rupa parasnya dan tubuhnya. Sebagaimana diriwayatkan oleh beberapa riwayat, baginda tidak tinggi dan tidak pula rendah (sederhana).<sup>8</sup>

Termasuk juga al-Hadīth ialah silsilah-silsilah, nama-nama serta tahun kelahiran yang telah ditetapkan oleh para sahabat dan ahli sejarah Islam. Misalnya kelahiran baginda pada Tahun Gajah. Begitu juga dengan himmah (hasrat) baginda dikira sebagai hadīth walaupun belum sempat dilaksanakan. Di antaranya baginda berhasrat untuk berpuasa pada tarikh 9 'Asyura tetapi tidak sempat dikerjakan kerana baginda telah wafat sebelum sempat mengerjakannya.<sup>9</sup>

Melalui penghuraian yang telah dikemukakan di atas dapat dibuat satu kesimpulan bahawa Ulama Hadīth dan pengikut-pengikutnya berpendapat al-Hadīth dan al-Sunnah adalah sama pengertiannya.

---

<sup>8</sup> Drs. Faethur Rahman, Ikhtisar Mustalahul Hadīth, cet. iii, (Bandung : Pt. al-Ma'arif, 1981), m.s. 6.

<sup>9</sup> Ibid, m.s. 11.

b) Ulama Usul Fiqh.

Ulama Usul Fiqh pula membahaskan Rasulullah (s. 'a. w.) sebagai seorang ahli syarak yang meletakkan asas bagi para mujtahid selepas baginda wafat. Perbahasan mereka ialah tertumpu kepada perkara-perkara yang mempunyai kaitan dengan hukum. Oleh itu perbincangan mereka berhubung dengan Rasulullah adalah sekitar perkataan, perbuatan dan iqrar yang mempunyai hubungan dengan hukum.

Takrif Sunnah menurut Ulama Usul Fiqh ialah setiap perlakuan yang terdapat pada Rasulullah (s. 'a. w.) sama ada perkataan, perbuatan mahupun taqrir adalah menunjukkan kepada hukum syarak.<sup>10</sup> Bagi mereka Sunnah lebih umum daripada Hadīth. Mereka berpendapat lafaz Hadīth hanya membawa maksud "al-Sunnah Qauliyyah".<sup>11</sup>

c) Ulama Fiqh.

Menurut Ulama Fiqh seluruh perbuatan Rasulullah dan peribadinya menunjukkan kepada sesuatu hukum syarak dan perlu diikuti oleh umat Islam seluruhnya. Perbahasan mereka adalah sekitar menetapkan hukum sama ada wajib, haram, makruh dan sunat dan sebagainya.

---

<sup>10</sup> Dr. Muhammad 'Ajaj al-Khatib, op. cit., m.s. 19.

<sup>11</sup> Ibid, m.s. 27.



Mereka membahaskan Rasulullah (s.<sup>h</sup>a.w.) sebagai menunjukkan kepada hukum syarak. Ini adalah kerana perbahasan mereka berhubung dengan perkara-perkara yang bergantung dengan perbuatan hamba sama ada wajib, sunat, haram, harus dan sebagainya. Sebagaimana al-Kanwā mengatakan:

"Sesuatu yang dilakukan diberi pahala dan ditinggalkan mendapat cela, tidak mendapat siksa."<sup>12</sup>

— Melalui penghuraian yang telah penulis kemukakan itu, dapat dilihat perbezaan antara ahli Hadīth, ahli Usul Fiqh dan ahli Fiqh. Bagi ahli Hadīth mereka mengatakan hadīth dan sunnah adalah sama pengertiannya. Pendapat ini menjadi pegangan mereka terutama para muhaddisin mutaakhirin. Ahli Usul Fiqh pula berpendapat sunnah merangkumi perkataan, perbuatan dan iqrar. Apabila digunakan lafaz hadīth, ia bermaksud perkataan Rasulullah (sunnah qauliyah). Sementara ahli Fiqh mengambil jalan tengah dan membahaskan hadīth dan sunnah sebagai penetap hukum.

#### 1.4 Sejarah Perkembangan Hadīth .

Dalam kajian ini penulis merasakan perlunya kita mengetahui sejarah perkembangan hadīth bagi melihat betapa pentingnya hadīth atau sunnah di dalam Islam. Ulama-ulama telah mengambil inisiatif yang jitu bagi mengumpul hadīth-hadīth yang ditinggalkan oleh Rasulullah setelah ke-

---

<sup>12</sup> Huda Muhsin, op. cit., m.s. 4.

wafatan baginda. Dalam penulisan ini penulis membahagikan kepada tujuh period yang bermula dari zaman Rasulullah (s. 'a.w.) sehinggalah zaman mutaakhirin. Perbahasan ini berkisar sekitar zaman penurunan wahyu sehingga ke abad pembukuan hadīth.

a) Zaman Rasulullah (s. 'a.w.) sehingga kewafatannya (13 S.H.-11H).

Pada zaman permulaan wahyu diturunkan kepada Rasulullah (s. 'a.w.) para sahabat menekankan sudut hafalan ketika menerima hadīth dari baginda. Ini adalah kerana sedikit sahaja di kalangan mereka yang pandai menulis ketika itu. Mereka menerima hadīth sama ada secara langsung dan tidak secara langsung.

Maksud secara langsung ialah para sahabat mendengar sendiri apa yang diperkatakan oleh Rasulullah ketika baginda menjawab permasalahan yang diajukan kepadanya atau baginda sendiri yang memulai perbicaraan. Secara tidak langsung pula ialah para sahabat menerima hadīth dari sahabat yang telah menerima dari Rasulullah atau mereka menyuruh seseorang bertanya kepada Rasulullah kerana mereka malu untuk bertanya sendiri.

Pada zaman tersebut Rasulullah (s. 'a.w.) memainkan peranan penting bagi menjelaskan hukum-hukum syarak atau permasalahan yang lain. Begitu juga dengan isteri-isteri baginda, mereka sebagai pembantu dalam mengeluarkan sesuatu hukum atau menyelesaikan sesuatu permasalahan.

Di antara para sahabat pada tempoh tersebut yang banyak mendapat pengajaran dari Rasulullah (s. 'a. w.) ialah Abu Bakar al-Siddiq, Sayyidunā Umar, Sayyidunā Osman, Sayyiduna Ali dan Ibn Mas'ud. Mereka adalah sahabat Rasulullah yang pertama memeluk Islam. Begitu juga seorang sahabat yang bernama Abu Hurairah, beliau sentiasa berada di sampingnya dan tersungguh-bersungguh menghafal al-Hadīth.

Sahabat-sahabat lain yang juga termasuk di dalam golongan tersebut ialah Abdullah Ibn Amer Ibn 'Ash, Anas Ibn Malik dan Abdullah Ibn Abbas. Mereka adalah golongan yang lama hidup sesudah Nabi dan dapat menerima hadīth dari sesama sahabat. Sementara mereka yang mempunyai pertunangan yang erat dengan Nabi pula ialah isteri baginda, Sayyidatina 'Aisyah dan Ummu Salamah.<sup>13</sup>

b) Zaman Khulafa al-Rasyidin (12 H.-40 H.).

Setelah Rasulullah (s. 'a. w.) wafat, para sahabat memainkan peranan penting dalam menyampaikan hadīth kepada oranglain. Begitu juga dengan isteri-isteri Rasulullah, mereka menyampaikan hadīth-hadīth atau sunnah kepada masyarakat umum. Utusan-utusan yang diutus oleh Rasulullah ke wilayah-wilayah lain dan yang datang kepada Rasulullah sendiri seperti Sa'ad Ibn Bakr, Abdul Qais dan lain-lainnya juga memperkembangkan hadīth

---

<sup>13</sup> Prof. T.M. Hasbi, op. cit., m.s. 53.

ke serata pelusuk Tanah Arab.

i- Hadīth di masa Abu Bakar r.'a. dan Umar r.'a.

Selepas kewafatan Rasulullah (s.'a.w.s.) para sahabat tidak menetap di kota Madinah sahaja, mereka telah berhijrah ke kota-kota berhampiran dan wilayah-wilayah lain. Mereka menyebarkan hadīth ke kawasan-kawasan tersebut dan para tabi'in mempelajari hadīth dari mereka. Walau bagaimanapun pada permulaan zaman sahabat ini penyibaran hadīth masih terbatas. Hadīth disampaikan kepada mereka yang memerlukan sahaja dan ketika perlu sahaja.

Perkembangan hadīth dan membanyakkan riwayat terjadi sesudah pemerintahan Khalifah Abu Bakar dan Khalifah Umar. Kedua-dua khalifah ini mengemukakan sahabat-sahabat lain untuk menyebarkan al-Qur'ān dan memerintahkan supaya berhati-hati dalam menerima riwayat. Contohnya, Khalifah Umar ketika mengutus perutusan ke Iraq mewasiatkan supaya utusan itu mengembangkan al-Qur'ān dan mementingkan tajwid serta melarang membanyakkan riwayat hadīth.

ii- Hadīth di masa Osman r.'a. dan Ali k.w.

Setelah Sayyidunā Osman memegang tampuk pemerintahan, beliau memberi kebebasan kepada para sahabat menerima kunjungan umat Islam bagi

menyelesaikan sesuatu perkara. Ini memberi peluang kepada pengumpulan hadīth dengan meluas.<sup>14</sup>

c) Zaman sahabat dan tabi'in (41 H.-akhir abad pertama).

Pada zaman sahabat dan selepasnya berlaku perkembangan riwayat dan kunjungan dari bandar ke bandar untuk mencari hadīth. Setelah pemerintahan Khalifah Osman dan Sayyidunā Ali r.'a., lahir usaha yang ber-sungguh-sungguh untuk mencari dan menghafaz hadīth serta menyibarkannya. Pada masa tersebut pemerintahan Islam telah meluas ke negara-negara lain seperti Syam dan Iraq. Kedua-dua negara ini dapat ditawan oleh tentera-tentera Islam pada tahun 17 Hijrah. Pada tahun 20 hijrah mereka dapat menkluki Mesir.

Gerakan penyibaran semakin meluas apabila tentera-tentera Islam berjaya menawan negara-negara lain, sehingga pada tahun 56 H. agama Islam tersibar ke Samarkand. Islam mencapai kejayaan yang amat membanggakan apabila pada tahun 93 H. tentera Islam berjaya menakluki Sepanyol. Hasil dari perluasan kuasa ini para sahabat telah berpindah ke kawasan-kawasan yang telah ditawan dan menjadikannya sebagai pusat ilmu pengetahuan.

Kawasan-kawasan tersebut dijadikan tempat mengajar al-Qur ān dan

---

<sup>14</sup> Ibid, m.s. 59.

al-Hadīth serta tempat mengeluarkan sarjana-sarjana tabi'īn hadīth. Di antara tokoh-tokoh yang masyhur ialah Abu Hurairah, Sayyidatunā 'Aisyah, Anas Ibn Malik, Abdullah Ibn Abbas, Abdullah Ibn Umar, Jabir Ibn Abdullah serta Sa'id al-Khudry, Ibn Mas'ud dan Abdullah Ibn Amr Ibn 'Ash.

Antara tokoh-tokoh tabi in yang terkenal dalam bidang riwayat di Madinah ialah Sa'id Ibn al-Musayyab, Abu 'Urwah Ibn al-Zubayr, Ibn Shihab, 'Ubaydillah Ibn 'Utbah Ibn Mas'ud, Sālim Ibn 'Abd Allah Ibn 'Umar, Muhammad Ibn al-Munkidr. Mereka ini menerima hadīth dari para sahabat yang terdiri dari Khalifah al-Rasyidin dan sahabat yang lain seperti Abu Hurairah, Abu Sa'id al-Khudri, Zayd Ibn Thābit dan sebagainya.

Sementara itu di Mekah termasuklah 'Ikrimah, 'Atha Ibn Abi Rabah, Muhammad Ibn Muslim dan Tāwūs Ibn Kaisan. Terdapat juga di kawasan yang lain seperti Kufah, Basrah, Syam, Mesir dan Yaman. Antara mereka ialah al-Sya'by, Muhammad Ibn Sirin, Ibrahim al-Nakha'y, Qatadah, Umar Ibn Abd. Aziz, Yazid Ibn Habib dan Thaus Ibn Kaisan al-Yamany.<sup>15</sup>

Kawasan-kawasan yang dikira sebagai pusat hadīth ialah Madinah, Mekah, Kufah, Basrah, Syam dan Mesir. Walaupun perkembangan hadīth begitu pesat, berlaku pula pemalsuan hadīth bermula pada tahun 40 H. Ke -

---

<sup>15</sup> Dr. Muhammad 'Ajjaj al-Khatīb, op. cit., m.s. 117.  
cf. Prof. T.M. Hasbi, op. cit., m.s. 69.

giatan ini berpunca setelah Sayyidunā Ali meninggal dunia dan berlaku fitnah di akhir pemerintahan Sayyidunā Osman. Umat Islam berpecah kepada beberapa golongan seperti golongan Syiah yang berpihak kepada Ali bin Abi Talib, golongan Khawarij yang menentang Ali dan Muawiyah dan golongan Jumah yang berpihak kepada pemerintah pada masa itu.

Semua pihak didorong oleh keperluan dan kepentingan golongan masing-masing. Oleh itu terjadi pemeluan hadīth dan ia bercampur-aduk antara hadīth palsu dengan hadīth sah. Mengikut riwayat golongan yang mula-mula melahirkan hadīth palsu ialah Syiah. Ini dinyatakan oleh Ibn Abil Hadid: "Ketahuilah bahawa permulaan timbul hadīth yang menerangkan keutamaan peribadi adalah dari golongan Syiah sendiri." Iraq adalah kota yang mula-mula mengembangkan hadīth palsu dan merupakan pusat kaum Syiah.<sup>16</sup>

d) Zaman permulaan abad kedua Hijrah hingga akhir abad kedua.

Zaman tersebut dikenali dengan zaman pembukuan hadīth. Usaha pembukuan hadīth ini adalah di atas inisiatif yang ditunjukkan oleh Khalifah Umar bin Abdul Aziz (99 H.). Beliau dari keturunan Umawiyah, terkenal dengan bersifat adil dan wara. Kesedaran untuk menggumpul

---

<sup>16</sup> Ibid, m.s. 77.

dan membukukan hadīth tersebut timbul apabila beliau menyadari perawi-perawi hadīth ramai meninggal dunia. Beliau berasa kluatir hadīth akan hilang dari umat Islam.

Pada tahun 100 H. beliau meminta kepada gabenor Madinah iaitu Abu Bakr Ibn Muhammad Ibn Amer Ibn Hazmin membukukan hadīth, yang terdapat pada seorang wanita bernama Amrah Bint 'Abd Rahman Ibn Sa'ad Ibn Zurarah Ibn Ades. Amrah adalah seorang ahli fiqh dan murid kepada Sayyidatunā 'Aisyah. Khalifah juga memerintahkan supaya hadīth-hadīth yang ada pada al-Qasim Ibn Muhammad Ibn Abi Bakr dikumpul. Abu Bakr merupakan seorang ulama fiqh Madinah dan ahli tabi'i yang masyhur.

Beliau juga mengutus surat kepada gabenor di seluruh wilayahnya iaitu di bawah kekuasaannya membukukan hadīth-hadīth yang ada pada ulama di wilayah masing-masing. Gabenor-gabenor tersebut mematuhi khalifah, serta berusaha melaksanakannya. Di samping meminta pertolongan gabenor beliau telah meminta para ulama bekerjasama mengumpul dan membukukan hadīth di wilayah mereka. Diantaranya ialah Abu Bakr Muhammad Ibn Muslim Ibn Ubaidillah Ibn Syihab al-Zuhry iaitu seorang tabi'i yang ahli dalam urusan fiqh dan hadīth. Beliau merupakan orang pertama membukukan hadīth atas permintaan khalifah.

Sementara di Madinah pula ulama yang membukukan seluruh hadīth di sana ialah Imam Muhammad Ibn Muslim Ibn Syihab al-Zuhry. Beliau adalah



ulama terbesar di Madinah dari ulama-ulama hadīth yang lain. Usaha yang dijalankan oleh Khalifah Umar Ibn Abdul Aziz diteruskan oleh para ulama seterusnya dan khalifah-khalifah selepasnya.<sup>17</sup>

e) Zaman awal abad ketiga hingga akhirnya.

Zaman tersebut terkenal dengan zaman mentashihkan hadīth serta menyaringkannya dan menyusun kaedah-kaedahnya. Pada abad kedua, tidak diasingkan hadīth-hadīth dari fatwa sahabat dan tabi'in. Pada abad ketiga keadaan tersebut diperbaiki dengan menggumpulkan hadīth dan mengasingkannya dari fatwa sahabat. Keadaan ini diluaskan oleh Imam Bukhāri yang pergi ke Mesir, Damsyik, Naisabur, Baghdad, Kufah, Mekah, Madinah dan kawasan-kawasan lain sehingga menghasilkan kitab yang bernama Ṣaḥīḥ Bukhāri.

Oleh kerana hadīth tersibardengan meluas, muncul musuh-musuh Islam yang cuba memesongkan hadīth dari yang asal. Ulama-ulama hadīth merasa bimbang keadaan tersebut meluas dan berleluasa di kalangan masyarakat Islam. Mereka cuba menyaringkan hadīth dengan memisahkan antara hadīth ṣaḥīḥ dari hadīth daif. Mereka membahaskan perawi-perawi dengan membincangkan tentang keadilan mereka, tempat kediaman mereka, masa dan

---

<sup>17</sup> Ibid, m.s. 78.

lain-lainnya.

Dalam usaha memelihara hadīth ini ulama-ulama juga telah menyusun kaedah-kaedah taḥdīth, usul-usulnya, syarat-syarat menerima riwayat dan syarat-syarat menolaknya, syarat-syarat ṣaḥīḥ dan ḍa'if, kaedah yang dipegang dalam menentukan hadīth-hadīth maudu'. Mereka juga telah memeriksa sama ada benar atau tidaknya hadīth yang diterima, mengisnadkan dan mengkritik para perawi, membuat ketentuan-ketentuan umum untuk menentukan kaedah-kaedah maudu'.

Menurut sejarah, mengisnadkan hadīth lahir ketika berlakunya fitnah yang dilakukan oleh Saba' yang berniat jahat terhadap Islam. Ia menyebarkan fitnah di dalam masyarakat Islam untuk menganut fahaman "Tasyaiyu'" iaitu memihak kepada Sayyidatunā Ali dan mempertahankan ke-khalifahan di tangan Ali dan keturunannya. Begitu juga ada yang mengaku ketuhanan Ali r.a. yang melibatkan lahirnya hadīth-hadīth palsu. )

Para ulama telah mengkritik perawi dengan menerangkan keadaan sebenar dan apa yang diselewengkan. Usaha ini dilakukan oleh ulama untuk mengenalpasti dan membezakan antara hadīth-hadīth ṣaḥīḥ, kuat atau lemah. Mereka mempelajari sejarah perawi, perjalanan hidup dan hal-hal tersembunyi dari pengetahuan umum keadaan perawi. Mereka mendedahkan keadaan dan msklumat yang didapati kepada masyarakat agar mereka mengetahui akan kedudukan sebenar. Mereka juga membuat undang-undang untuk menentukan

siapakah perawi yang boleh diterima atau ditolak.

f) Zaman awal abad keempat hingga jatuhnya Baghdad (656 H.).

Zaman ini terkenal dengan usaha menapis kitab-kitab hadīth dan menyusun kitab-kitab jami yang khusus. Jika ditinjau dari sudut pengumpulan hadīth, ulama dalam abad kedua dan ketiga mengumpul hadīth semata-mata berpegang kepada usaha sendiri. Mereka berusaha menemui penghafaz hadīth yang tersibar di seluruh pelusuk negara Arab, Parsi dan sebagainya. Mereka digelar golongan "Mutaqaddimin".

Para ulama di abad keempat pula digelar "Mutaakhirin" dan usaha mereka agak mudah sedikit kerana kebanyakan hadīth-hadīth diambil dari kitab-kitab ahli mutaqaddimin, sedikit sahaja di kalangan mereka mencari sendiri kepada penghafaznya. Pada akhir abad keempat usaha pengumpulan hadīth telah selesai dan dalam abad kelima para ulama mengalih usaha mereka kepada memperkemas lagi pemeliharaan hadīth.

Mereka telah berusaha memperbaiki susunan kitab, mengumpul hadith yang tidak tersusun dalam bentuk yang lebih kemas. Misalnya, semua hadīth hukum diletak di dalam sebuah kitab dan hadīth-hadīth targhib dalam sebuah kitab yang lain serta dibuat penghuraian berhubung dengan persoalan dan permasalahan di dalamnya. Justeru itu lahirlah kitab-kitab mukhtasar yang memudahkan memperoleh dan memahami hadīth yang diperlukan

serta kitab-kitab syarah bagi memudahkan memahami hadīth.

Di antara usaha-usaha ulama hadīth yang penting dalam tempoh tersebut ialah:

- a- Mengumpul hadīth-hadīth Bukhāri atau Muslim dalam sebuah kitab.
- b- Mengumpul hadīth-hadīth kitab enam iaitu S. Bukhāri, S. Muslim, Sunan Abu Dāwud, Sunan Nasāi, Sunan Tirmizi dan Sunan Ibn Mājah.
- c- Mengumpul hadīth-hadīth yang terdapat dalam berbagai-bagai kitab.
- d- Mengumpul hadīth-hadīth hukum dan menyusun kitab-kitab athraf.
- g) Hadīth dalam masa ketujuh (656 H. hingga sekarang).

Ulama hadīth dalam tempoh tersebut menjalankan usaha membuat syarah, membuat kitab-kitab takhrīj, mengumpul hadīth-hadīth hukum dan membuat kitab-kitab jami' serta membahaskan hadīth-hadīth zawāid. Pada masa tersebut India dan Mesir memainkan peranan penting dalam usaha memperkembangkan hadīth.

Menurut catatan sejarah setelah kota Baghdad ditawan oleh Hulagu Khan, berpindahlah kegiatan perkembangan hadīth ke Mesir dan India. Pada waktu itu pihak pemerintah juga telah melibatkan diri dalam bidang

ilmu hadīth. Ulama India telah mengambil inisiatif mengembangkan kitab-kitab hadīth dan menerbitkan buku-buku yang berhubungan dengannya. Contohnya kitab "Ulum al-Hadīth" karangan al-Hakim.

Setelah menempuh beberapa abad kegiatan menerbit dan mengembangkan kitab-kitab hadīth berpindah ke daerah-daerah kerajaan Arab Saudi. Ulama-ulama telah menyusun isi kitab-kitab hadīth, menyaringkannya dan menyusun kitab-kitab takhrīj serta membuat kitab-kitab jami' yang umum, menghasilkan kitab yang membicarakan permasalahan hukum serta mentakhrījkan hadīth-hadīth yang terdapat dalam beberapa kitab. Begitu juga mereka mentakhrījkan hadīth-hadīth yang terkenal dalam masyarakat serta menyusun kitab Athraf.

Jika dilihat aktiviti-aktiviti yang dilakukan oleh ulama hadīth dalam period pertama hingga ketujuh ini amat ketara kesungguhan dalam usaha mengumpul, menyusun dan membukukan hadīth. Dalam tempoh tersebut mereka menghadapi berbagai-bagai permasalahan dengan menghadapi serangan dari pihak yang cuba mematahkan Islam, termasuklah pemalsuan hadīth.

Mereka juga menghadapi permasalahan taklid dan akhirnya terpaksa membuka pintu ijtihad. Walaupun pada mulanya taklid dibenarkan oleh ulama tetapi ada di kalangan ulama yang membatalkannya. Di antara para ulama yang memelihara pintu ijtihad ialah Ibn Abd Bar, Ibn Hazm, Ibn

Taimiyah, Ibn Qaiyim, Ibn Hajar al-Asqalany, al-Sayuthy, al-Shan'any, al-Syaukany dan Muhammad Abdullah.

Bagi ulama-ulama selepasnya, mereka berterusan membuka pintu ijtihad dengan memperhatikan kemaslahatan umat Islam. Mereka berusaha untuk mempersatukan umat Islam dan menyedari perlunya kelaziman kembali kepada kitab-kitab al-Qur'ān dan ḥadīth bagi menetapkan hukum yang diperlukan. Usaha tersebut memerlukan penelitian yang mendalam kerana setengah hukum dan ketetapan melihat kepada keadaan semasa. Peranan mereka adalah sebagai mujaddid, pencipta hukum yang sesuai dengan kehendak zaman dan umat, pembimbing rakyat supaya hidup berpandukan al-Qur'ān dan Sunnah.<sup>18</sup>

### 1.5 Pembahagian Hadith Dan Jenis-jenisnya .

Sebelum penulis mengemuka pembahagian ḥadīth, penulis akan membicarakan terlebih dahulu jenis-jenis ḥadīth. Hasil penyelidikan pengkaji-pengkaji ḥadīth, mereka dapati ḥadīth Rasulullah (s. 'a. w.) mempunyai dua jenis iaitu al-Ḥadīth al-Nabawi dan al-Ḥadīth Qudsi. Keduanya merupakan wahyu dari Allah Taala tetapi berbeza lafaz dan isinya.

---

<sup>18</sup> Ibid, m.s. 147.

a- Pengertian Hadīth Nabawi dan Hadīth Qudsi.

Hadīth Nabawi ialah hadith yang disandarkan kepada Rasulullah. Sementara Hadīth Qudsi ialah hadīth yang disandarkan kepada Allah Taala.<sup>19</sup> Kedua-dua hadīth tersebut berbeza kerana hadīth Nabawi adalah perkataan Rasulullah, perbuatan baginda, taqrir, sifat dan keperibadian baginda. Hadīth Qudsi pula adalah firman Allah kepada Rasulullah dan Rasulullah menyampaikan kepada para sahabat menggunakan makna atau maksudnya sahaja.<sup>?</sup>

Walaupun terdapat perbezaan antara keduanya tetapi ia merupakan wahyu dari Allah kepada Nabi Muhammad. Setiap perkataan yang keluar dari ucapan Rasulullah adalah datangnya dari Allah Taala. Sebagaimana firman Allah:

20 وَمَا يَنْطِقُ عَنِ الْهَوَىٰ ۚ إِنْ هُوَ إِلَّا وَهْيٌ يُؤْتَىٰ

"Dia [Muhammad] tidak memperkatakan sesuatu yang berhubung dengan perkara agama menurut kemahuan dan pendapatnya sendiri, segala apa yang diperkatakan [sama ada al-Qur'an atau hadīth] tidak lain hanya wahyu yang diwahyukan."

Hadīth Qudsi di sampaikan kepada Rasulullah sama ada melalui ilham, melalui malaikat Jibril a.s., wahyu atau mimpi. Hadīth ini membicarakan hal-hal yang berkaitan dengan Allah, kebesarannya, luas rahmat

---

<sup>19</sup> Muhammad bin Ismail, op. cit., m.s. 14.  
<sup>20</sup> Al-Qur'an, surah al-Najm, ayat 4.

dan nikmat-Nya, kekuasaan-Nya dan sebagainya. Manakala Hadīth Nabawi membincangkan persoalan yang berkaitan dengan kepentingan hamba dan negara, menerangkan hukum-hukum halal serta haram serta berita baik dan buruk.<sup>21</sup>

Bagi membezakan antara Hadīth Nabawi dan Hadīth Qudsi adalah lebih tepat pendapat yang dikemukakan oleh al-Zurqanī. Beliau mengatakan bahawa al-Hadīth Qudsi ertinya suci, sesuai datangnya dari Allah lafaz dan maknanya. Oleh itu Rasulullah (s. 'a.w.) melafazkan perkataan "Firman Allah" di dalam Hadīth Qudsi. Sementara Hadīth Nabawi, lafaznya dari Rasulullah dan maknanya dari Allah Taala. Jueteru itu baginda menggunakan lafaz "Sabda Rasulullah (s. 'a.w.)" Contoh Hadīth Qudsi ialah:

وَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: إِذَا اللَّهُ قَالَ: إِذَا  
تَلَّقَانِي عَبْدِي بِبِرِّ تَلَّقَيْتُهُ بِبِرِّهِ. وَإِذَا تَلَّقَانِي بِذِرَارِ  
تَلَّقَيْتُهُ بِبِئَابٍ وَإِذَا تَلَّقَانِي بِبِئَابٍ هِشَّةٍ بِأَسْرَعِ مِنْهُ<sup>22</sup>

"Rasulullah (s. 'a.w.) bersabda: Sesungguhnya Allah berfirman; Apabila hamba-Ku sejengkal maka Aku menemuinya sehasta. Apabila ia menemui-Ku sehasta maka Aku menemuinya sedepa. Apabila ia menemui-Ku sehasta maka Aku mendatangnya dengan lebih segera kepadanya."

(Ditakhrijkan oleh Imam Muslim)

<sup>21</sup> Sya'ban Muhammad Ismail, Al-Ahādīth al-Qudsiyah Wa Manzilatuhā Fī al-Tasyrī, (Riyadh: Dār al-Marīkh, 1402 H. / 1982 M.), m.s. 22.  
cf. Muhammad bin Ismail, op. cit., m.s. 17.

<sup>22</sup> Drs. Muhammad Zuhri, Kelengkapan Hadīth Qudsi, (Semarang: CV Toha Putra, t.t.), m.s. 101.



b- Bahagian-bahagian hadīth .

Para ulama telah membuat pembahagian kepada hadīth-hadīth mengikut rawi-rawi atau sanad-sanadnya bagi menentukan sama ada sesuatu hadīth itu boleh dijadikan hujah atau sebaliknya.

i- Hadīth Mutawatir.

Hadīth Mutawatir ialah suatu hadīth hasil-tanggapan dari panca-  
indera (kenyataan berita) yang diriwayatkan oleh sejumlah besar rawi yang menurut kebiasaan mustahil mereka berkumpul dan bersepakat dusta.<sup>23</sup> Hukum hadīth Mutawatir ialah tetap diterima menjadi "Hujjah" dan mesti diikuti.

ii- Hadīth sahih.

Hadīth sahih ialah hadīth yang bersambung sanadnya, tidak janggal dan tidak cacat ('Illat), rawinya adil dan dabit, kedabitannya dan penukilannya kuat.<sup>24</sup> Melalui Kaedah tersebut dapat dirumuskan bahawa hadīth sahih hendaklah memenuhi syarat-syarat seperti berhubung sanadnya, iaitu setiap rawi berhubung antara satu dengan lain (dari awal hingga ke akhirnya), tidak ada rawi yang gugur (tidak disebut).

---

<sup>23</sup> Ibrahim al-Sūqi al-Shahāwi, Mustalah al-Hadīth, (Kaherah: al-Syarikat al-Tabā'ah al-Fanniyah al-Muttahiddah, t.t.), m.s. 10.  
cf. Muhammad bin Ismail, op. cit., m.s. 18.

<sup>24</sup> Dr. Muhammad 'Ajjaj al-Khatīb, op. cit., m.s. 304.

Begitu juga setiap rawi dalam sanad tersebut hendaklah bersifat adil dan bersifat cukup dabit, iaitu mempunyai kuat ingatan atau mempunyai kitab ḥadīth yang rapi susunannya. Di samping itu ḥadīth yang diriwayatkan tidak mengandungi 'illat dan ḥadīth tersebut tidak menyala-<sup>25</sup>hi dengan ḥadīth yang diriwayatkan oleh rawi yang lebih kuat daripadanya.

### iii- Ḥadīth Hasan.

Ḥadīth Hasan ialah ḥadīth yang sanadnya baik dan kuat, rijalnya tidak seperti ḥadīth ṣaḥīḥ yang lebih terkenal kuat.<sup>26</sup> Syarat-syarat ḥadīth hasan adalah sama dengan ḥadīth ṣaḥīḥ, hanya berbeza mengenai sifat adil dan dabit rawi-rawinya, iaitu sifat adil dan sifat dabit pada mereka lebih rendah jika dibandingkan dengan ḥadīth ṣaḥīḥ.

### iv- Ḥadīth daif.

Ḥadīth daif ialah ḥadīth yang kurang mencapai martabat Ḥadīth Hasan sanadnya.<sup>27</sup> Ḥadīth tersebut tidak mempunyai atau tidak cukup syarat seperti yang ada pada syarat-syarat Ḥadīth Hasan. Ḥadīth ini tidak boleh dijadikan hujjah. Ia hanya boleh digunakan untuk menyatakan kelebihan

---

<sup>25</sup> Dato Hj. Muhammad Noor bin Hj. Ibrahim dkk, Muqaddimah Mastika Ḥadīth Rasūlullah (s. 'a.w.), cet. i, (Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam Jabatan Perdana Menteri, 1989 M. / 1409 H.), m.s. xvi.

<sup>26</sup> Ibid, m.s. 46.

<sup>27</sup> Dr. Nasr Farid Muhammad Wāsil, Al-Wasīf Fī 'Ilm Mustalah al-Ḥadīth, (Mesir: Maṭbaah al-Amānah, t.t.), cet. i, m.s. 71.

sesuatu amal supaya dikerjakan, atau menerangkan keburukan sesuatu perkara supaya di jauhi dan tidak melakukannya.

Melalui penghuraian tersebut jelaslah bahawa hadīth mempunyai beberapa bahagian tertentu mengikut taraf masing-masing. Sebenarnya hadīth Rasulullah (s. 'a. w. s.) boleh dibahagikan dengan lebih detail jika ditinjau dari sudut rawi, sanad dan sebagainya. Walaubagaimanapun penulis merasakan pembahagian terbesar yang penulis paparkan di atas sudah mencukupi untuk dijadikan panduan bagi menilai hadīth-hadīth yang diperolehi. Hadīth yang dikategorikan sebagai Hadīth Sahih dan Hadīth Hasan menjadi sumber hukum syarak untuk dijadikan hujjah dan diamalkan.

#### 1.6 Peranan Hadīth Dalam Syariat Islam.

Hadīth memainkan peranan penting dalam syariat Islam. Sekiranya umat Islam mengenyepikan Hadīth nescaya mereka tidak akan dapat memahami ketetapan syarak dengan tepat. Kitab al-Qur'ān yang diturunkan oleh Allah Taala kepada nabi Muhammad (s. 'a. w. s.) merupakan sebuah kitab yang terdapat di dalamnya berbagai-bagai keterangan. Umat Islam tidak akan dapat memahami dengan mendalam sekiranya tidak melihat kepada penghuraian yang dilakukan oleh Rasulullah. Ini adalah kerana ia diturunkan kepada baginda dan adalah tepat sekali baginda yang mengetahui apa yang terkandung di dalamnya.

Berhubung dengan perkara tersebut Allah (s.w.t.) berfirman:

وَمَا آتَاكُمُ الرَّسُولُ فَخُذُوهُ وَمَا نَهَاكُمُ عَنْهُ  
فَانْتَهُوا<sup>28</sup>

"Apa-apa yang disampaikan oleh Rasulullah kepadamu terimalah dan apa-apa yang dilarangnya bagimu tinggalkanlah."

Rasulullah (s. a.w.) pula telah bersabda:

قَدْ تَرَكْتُ فِيكُمْ أَمْرَيْنِ لَنْ تَضِلُّوا بِمَا عَسَّيْتُمْ  
بِهِمَا كِتَابَ اللَّهِ وَسُنَّةَ رَسُولِهِ<sup>29</sup>

"Sesungguhnya aku telah tinggalkan untuk kamu dua perkara. Kamu tidak akan sesat selagi kamu berpegang kepadanya, iaitu Kitab Allah dan Sunnah Rasul-Nya."

Sehubungan dengan itu, penulis akan membincangkan peranan hadīth di dalam syariat Islam. Di samping itu penulis akan membawa dalil-dalil dari al-Qur<sup>ān</sup> dan al-Hadīth sebagai bukti kepada apa yang dikemukakan.

a) Menetap dan memperkuat hukum.

Di dalam al-Qur<sup>ān</sup> terdapat ayat-ayat yang menyentuh perkara-per-

---

<sup>28</sup> Al-Qur<sup>ān</sup>, surah al-Hasr, ayat 7.

<sup>29</sup> Ash-Shiddieqy, T.M. Hasbi, Sejarah Dan Pengantar Ilmu Hadits, (Jakarta: Bulan Bintang, t.t.), m.s. 40.

kara yang berkaitan dengan hukum. Bagi menguatkan hukum tersebut, ha - dith memainkan peranan penting untuk menetapkan serta memperkuatnya. Contohnya Allah (s.w.t.) melarang manusia bersikap dusta kerana sifat tersebut akan mendatangkan keburukan kepada mereka yang melakukannya.

Firman Allah Taala:

وَمَنْ يُعْظَمِ مَهْرَمَةَ اللَّهِ فَمَنْ حَمَلَهُ بِعِذْرِ رَبِّهِ وَاعْتَمَدَ  
 لَكُمْ دَلَالَةً وَإِلَّا مَا يَتْلُو عَلَيْكُمْ فَاجْتَنِبُوا الزُّهْمَ مِنْ  
 الدُّوْمَانِ وَاجْتَنِبُوا قَوْلَ الزُّوْرِ <sup>30</sup>

"Dan barang siapa yang mengagungkan apa-apa yang terhormat di sisi Allah maka itu adalah lebih baik baginya di sisi Tuhan-Nya. Dan telah dihalalkan bagi kamu semua binatang ternak kecuali yang diterangkan kepada kamu pengharamannya, jauhilah berhala-berhala yang najis itu dan jauhilah perkataan dusta."

Berhubung dengan kenyataan di atas Rasulullah telah bersabda:

أَلَا أُتَبِّئُكُمْ يَا كَبِيرَ الْكِبَائِرِ؟ قُلْنَا يَا رَسُولَ اللَّهِ! قَالَ: أَلَا يَتْرَاكَ بِاللَّهِ، وَمَعْقُوفَ الْوَالِدَيْنِ، (وَكَانَ مَتَكِنًا فَعَلَّهَ فَقَالَ: أَلَا وَقَوْلُ الزُّوْرِ <sup>31</sup>

<sup>30</sup> Al-Qur'an, surah al-Hajj, ayat 30.

<sup>31</sup> Imam Muslim, S. Muslim, Kitab: الإيمان, Bab: الكبائر وأكبرها, بيان, j. i, m.s. 91.

"Adakah kamu mahu sekiranya aku khabarkan kepada kamu semua sebesar-besar dosa besar? Sahut kami: Baiklah wahai Rasulullah. Rasulullah bersabda: "Syirik kepada Allah, menyakiti orang tua. Berkata (bersaksi) palsu."

Begitu juga dengan pelaksanaan hukum hudud. Allah menyebut di dalam kitab-Nya mengenai hukum hudud yang wajib dilaksanakan kepada mereka yang melakukan kesalahan berhubung dengannya. Firman Allah:

الزَّانِيَةُ وَالزَّانِي فَاجْلِدُوا كُلَّ وَاحِدٍ مِّنْهُمَا مِائَةَ جَلْدَةٍ  
وَلَا تَأْخُذْكُمْ بِهِمَا رَأْفَةٌ فِي دِينِ اللَّهِ إِنْ كُنْتُمْ  
تُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ وَلِيَشْهَدَ عَدَاؤُهُمَا  
طَائِفَةٌ مِّنَ الْمُؤْمِنِينَ

"Perempuan yang berzina dan laki-laki yang berzina maka deralah tiap-tiap seorang dari keduanya seratus kali dera, dan janganlah belas kasihan kepada keduanya mencegah kamu untuk (menjalankan) agama Allah, jika kamu beriman kepada Allah dan hari akhirat, dan hendaklah (pelaksanaan) hukuman mereka disaksikan oleh sekumpulan dari orang-orang yang beriman."

Bagi menguatkan hukum yang dinyatakan oleh Allah itu, Rasulullah telah bersabda:

لِقَامَةِ عَدُوِّ فِي الْأَرْضِ غَيْرِ مَنْ أَنْ يَعْطُوا أَرْبَعِينَ  
صَبَاغًا

"Melaksanakan hukum hudud di bumi adalah lebih baik dari hujan empat puluh pagi." <sup>33</sup>

Jelas di sini menunjukkan hadīth dan al-Qurʾān mempunyai pertalian dalam menetapkan dan memperkuat sesuatu hukum di dalam perundangan Islam.

b) Pentafsir kepada al-Qurʾān.

Di samping menetapkan dan memperkuat sesuatu hukum yang ditetapkan oleh al-Qurʾān, hadīth juga sebagai pentafsir kepada ayat-ayat al-Qurʾān. Dalam al-Qurʾān terdapat ayat-ayat yang masih bersifat umum dan mutlak tanpa memberi keterangan yang jelas. Hadīth bertindak sebagai satu keterangan kepada ayat-ayat yang mujmal, memberikan taqyid iaitu persyaratan kepada ayat yang masih mutlak dan memberikan penentuan khusus ayat-ayat yang masih umum. Berhubung dengan perkara di atas Allah telah berfirman:

وَأَنْزَلْنَا إِلَيْكَ الذِّكْرَ لِتُبَيِّنَ لِلنَّاسِ مَا نُزِّلَ إِلَيْهِمْ  
وَلَعَلَّهُمْ يَتَفَكَّرُونَ <sup>34</sup>

---

<sup>33</sup> Ibn Majah, Sunan Ibn Mājah, Kitab: المود, Bil.H.: 2537, m.s. 848.

<sup>34</sup> Al-Qurʾān, surah al-Nahl, ayat 44.

"Dan Kami telah menurunkan al-Qur'ān kepada kamu supaya kamu menerangkan kepada manusia apa-apa yang telah diturunkan kepada mereka dan mudah-mudahan mereka memikirkan."

Conroh ayat mujmal ialah sebagaimana firman Allah:

35

وَأَقِمُوا الصَّلَاةَ وَآتُوا الزَّكَاةَ

"Dirikanlah sembahyang dan tunaikanlah zakat."

Ayat tersebut tidak menerangkan bagaimana cara menunaikan sembahyang. Ia tidak menyebut bilangan rakaat dan peraturan-peraturan mengerjakannya. Tidak dinyatakan juga waktu-waktunya, sembahyang fardhu dan sunat serta perkara-perkara lain yang berhubung dengannya. Bagi menguraikan ayat tersebut Rasulullah (s. 'a.w.) telah bersabda:

صَلُّوا لِمَا رَأَيْتُمُوهُ فِي صَلَاتِي فَإِذَا خَفَضْتِ الصَّلَاةَ  
مَلِيؤُذُنِي أَحَدِكُمْ وَلِيؤُوعَلْمِكُمْ أَكْبَرِكُمْ 36

"Sembahyanglah sebagaimana kamu lihat sembahyangku. Dan apabila telah datang waktu sembahyang, hendaklah salah seorang di antara kamu melakukan azan dan hendaklah menjadi imam seseorang yang terbesar di antara kamu."

35 Al-Qur'ān, surah al-Baqarah, ayat 110.

36 Imam Bukhari, S. Bukhāri, Kitab: المغازي, j.v, m.: 96.



Dalam hadīth tersebut baginda menyuruh para sahabat mengerjakan sembahyang mengikut sepertimana yang baginda lakukan. Para sahabat mematuhi dan mengamalkannya serta diikuti oleh para tabi' tabi'in dan juga umat Islam seluruhnya. Rasulullah menerangkan secara terperinci kepada para sahabat cara-cara mengerjakannya, waktu mengerjakannya, serta perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

Contoh ayat yang masih mutlak ialah firman Allah Taala:

37 

"Diharamkan bagimu (memakan) bangkai, darah dan daging babi."

Dalam ayat yang dinyatakan di atas, al-Qur'an secara mutlak mengharamkan bangkai dan darah. Tidak dinyatakan apakah jenis bangkai dan darah yang dimaksudkan di dalam ayat tersebut. Melalui hadīth Rasulullah dinyatakan dengan terang maksud ayat tersebut. Baginda menerangkan bahawa perkataan bangkai dan darah dalam ayat tersebut tidak termasuk dua jenis bangkai dan darah. Islam menghalalkan dua jenis bangkai iaitu bangkai ikan dan belalang serta dua jenis darah iaitu hati dan juga limpa.

---

37 Al-Qur'an, surah al-Mā'idah, ayat 3.

Berhubung dengan perkara tersebut Rasulullah telah bersabda:

أُهِلَّتْ لَنَا مَيْتَاتَانِ وَدَمَانِ. نَأْمًا، مَيْتَاتَانِ الْحَوْتُ  
وَالْجِرَادُ. وَأَمَّا، لِدَمَانِ مَالِكَيْدُ وَالطَّمَالُ<sup>38</sup>

"Dihalalkan bagi kita dua jenis bangkai dan dua jenis darah. Adapun dua jenis bangkai itu ialah bangkai ikan dan bangkai belalang, manakala dua jenis darah itu ialah hati dan limpa."

Contoh ayat al-Qur'an yang menggambarkan secara umum terhadap sesuatu perkara ialah firman Allah Taala:

يُوصِيكُمُ اللَّهُ فِي أَوْلَادِكُمْ لِلذَّكَرِ مِثْلُ حَظِّ  
الْأُنثَى<sup>39</sup>

"Allah telah mewasiatkan kepada kamu tentang bahagian anak-anak kamu, iaitu bagi lelaki sama dengan dua bahagian anak perempuan!"

Dalam firman Allah Taala itu menyentuh berhubung dengan persoalan mempusakai harta peninggalan si mati. Ayat tersebut tidak menjelaskan syarat-syarat yang dibenarkan oleh Islam bagi menerima harta pusaka. Me-

<sup>38</sup> Ibn Majah, Sunan Ibn Mājah, j. i, Kitab: الصيد, Bab: صيد الحيات  
والجراد, Bil. H.: 3218, m.s. 1073.

<sup>39</sup> Al-Qur'an, surah al-Nisa', ayat 11.

jalui hadīth Rasulullah, umat Islam dapat memahami maksud ayat tersebut, yaitu dengan melihat kepada kenyataan Rasulullah yang menyatakan bahwa hendaklah si mati tidak berlainan agama dan kematiannya bukanlah disebabkan pembunuhan. Sabda Rasulullah (s. 'a. w.):

40

لَا يَرِثُ بِمَلِكٍ الْكَافِرُ وَلَا الْكَافِرُ الْمَلِكَ

"Seorang muslim tidak boleh mewarisi harta peninggalan seorang kafir. Dan seorang kafir tidak boleh mewarisi harta seorang muslim."

Sabda Rasulullah lagi:

لَا يَرِثُ الْقَاتِلُ مِنْ الْمَقْتُولِ شَيْئًا

"Orang yang membunuh tidak boleh mewarisi harta peninggalan orang yang dibunuh."

c) Membawa hukum-hukum yang tidak dinaskan oleh al-Qur'an.

Sesetengah hukum tidak dinyatakan oleh al-Qur'an dan umat Islam terpaksa merujuk kepada hadīth Rasulullah untuk mendapatkan keterangannya. Sebagai seorang rasul yang diutuskan oleh Allah, baginda mengetahui perkara-perkara yang baik dan buruk serta mengetahui ketetapan dari-

---

40 Imam Bukhari, S. Bukhāri, Kitab: الفرائض, Bab: لا يرث بملك كافر, ولا الكافر بملك...  
j. viii, m.s. 11

Nya. Allah ( s.w.t. ) telah menyebut di dalam al-Qur'an, firman-Nya:

تِلْكَ الرُّسُلُ فَضَّلْنَا بَعْضَهُمْ عَلَى بَعْضٍ مِنْهُمْ  
مَنْ كَلَّمَ اللَّهُ وَرَفَعَ بَعْضَهُمْ دَرَجَاتٍ<sup>41</sup>

"Rasul-rasul itu Kami lebihkan sebahagian (dari) mereka atas sebahagian yang lain. Di antara mereka ada yang Allah berkata-kata (langsung dengan dia) dan sebahagiannya Allah meninggikannya (Nabi Muhammad) beberapa darjat."

Di sini jelas menunjukkan bahawa Allah telah melebihi darjat kepada Rasulullah ( s.'a.w. ) dan baginda berhak menyelesaikan permasalahan agama mengikut ijtihadnya. Misalnya, di dalam al-Qur'an tidak menerangkan mengenai hukum dan peraturan berpoligami. Seorang lelaki dihalalkan berkahwin dengan emak saudara isterinya, iaitu sebelum beliau menceraikan isterinya. Rasulullah ( s.'a.w. ) telah bersabda:


لَا يَجْمَعُ بَيْتَ الرَّأَةِ وَعَمَّتِهَا وَلَا بَيْتَ الرَّأَةِ  
وَخَالَتِهَا<sup>42</sup>

"Seseorang itu tidak boleh menggumpul seorang wanita dengan ammah (saudara perempuan bapa)nya dan seorang wanita dengan khālah (saudara perempuan ibu)nya."

<sup>41</sup> Al-Qur'an, surah al-Baqarah, ayat 253.

<sup>42</sup> Imam Muslim, S. Muslim, Kitab: النكاح, j. ii, m.s. 1028.

Begitu juga dengan pengharaman berkahwin dengan saudara sepersusuan. Terdapat hadīth yang menerangkan pengharamannya, kerana saudara sepersusuan dikira sebagai muhrim senasab. Sabda Rasulullah (s. 'a.w.):

43 

"Sesungguhnya Allah telah mengharamkan mengahwini seseorang kerana sepersusuan, sebagaimana Allah telah mengharamkannya kerana senasab."

Melalui penghuraian yang penulis kemukakan di atas, jelas menunjukkan hadīth / sunah mempunyai hubungan yang rapat dengan al-Qur'an di dalam syariat Islam. Al-Qur'an sebagai kitab yang diturunkan oleh Allah Taala merupakan kitab dasar dan hadīth Rasulullah pula sebagai penyokong kepada al-Qur'an. Segala permasalahan umat akan dapat diselesaikan apabila al-Qur'an dan hadīth / sunah dijadikan sebagai asas atau panduan.<sup>44</sup>

---

<sup>43</sup> Imam Bukhāri, S. Bukhāri, Kitab: النكاح, Bab: نكاح الرضاة على عمها, j. vi, m.s. 128.

<sup>44</sup> Dr. Muhammad 'Ajaj al-Khatīb, op. cit., m.s. 46.  
cf. Dr. Sya ban Muhammad Ismail, op. cit., m.s. 37.  
cf. Dr. Fathur Rahman, op. cit., m.s. 47.  
cf. Napiah bin Abdullah, op. cit., m.s. 17.